

# Malaysia bakal jadi 'Serambi OPEC Asia Timur'

Oleh AINUL ASNIERA AHSAN

**KUALA LUMPUR** 27 Mei - Malaysia bakal muncul sebagai 'Serambi OPEC Asia Timur' dalam tempoh tujuh tahun lagi apabila keseluruhan pembinaan saluran paip minyak yang merentasi Semenanjung sepanjang 320 kilometer siap menjelang tahun 2014.

Pengerusi, Trans-Peninsula Petroleum Sdn. Bhd. (Trans-Peninsula), Rahim Kamil Sulaiman berkata, bersesuaian dengan status itu, projek bernilai AS\$6 bilion (RM20.4 bilion) itu juga akan menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat perdagangan dan kewangan minyak yang baru.

Menurutnya, pembinaan paip minyak itu yang akan menyalur minyak bernilai kira-kira AS\$100 bilion (RM340 bilion) setahun merentasi tiga buah negeri Perak, Kedah dan Kelantan dan membawa bersama limpahan peluang kemajuan dan pembangunan.

"Projek ini boleh diibaratkan seperti membina lebuh raya, kita bukan sahaja melihat kepada perubahan fizikal yang ada tetapi kemajuan yang dibawa kepada kawasan setempat di sepanjang laluan berkenaan.

"Saya menjangkakan apabila projek ini siap kelak, ia bukan hanya melihat kehadiran pelbagai pihak pengiat industri itu seperti institusi kewangan, insurans, syarikat perkapalan dan institusi perdagangan minyak tetapi juga kelahiran produk-produk kewangan yang baru," kata kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Sebagai contoh, simpanan minyak itu boleh menjadi sekuriti melalui proses sekurisasi aset dan ini memberi peluang rakyat Malaysia untuk melabur dalam industri minyak yang menjanjikan pulangan lumayan, kata beliau.

Rahim berkata, projek pembinaan paip minyak itu akan membuka peluang kepada Malaysia untuk memajukan industri pelaburan minyak seperti yang berlaku di negara-negara Timur Tengah dan kegiatan sedemikian tidak lagi berkiblat kepada negara-negara Barat.

Sementara itu, Pengarah Trans-Peninsula, Syed Izhar Al-Idrus menyifatkan pembinaan projek itu adalah tepat pada masanya memandangkan lonjakan dalam harga minyak mentah dunia dan peningkatan terhadap permintaan bahan bakar itu dari Asia Timur.

Beliau menjelaskan, kajian yang dijalankan oleh Trans-Peninsula mendapati pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan di Asia telah meningkatkan jumlah



SYED Izhar Al-Idrus memperkatakan tentang projek syarikatnya sambil diperhatikan oleh Rahim Kamil Sulaiman (kiri) di Kuala Lumpur baru-baru ini.

- Gambar NAZERI ABU BAKAR

Projek bernilai AS\$6 bilion (RM20.4 bilion) itu juga akan menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat perdagangan dan kewangan minyak yang baru

**RAHIM KAMIL SULAIMAN**  
Pengerusi  
Trans-Peninsula

Pembinaan projek itu adalah tepat pada masanya memandangkan lonjakan dalam harga minyak mentah dunia dan peningkatan terhadap permintaan bahan bakar itu dari Asia Timur

**SYED IZHAR AL-IDRUS**  
Pengarah  
Trans-Peninsula

pengimportan minyak dari enam buah negara pengeluar utama minyak di Asia Barat iaitu Arab Saudi, Iran, Emiriah Arab Bersatu, Kuwait, Qatar dan Oman.

Menurut Syed Izhar, perkembangan itu mendorong Trans-Peninsula untuk menjadi pusat logistik pengangkutan dan penyimpanan minyak memandangkan kedudukan Malaysia yang menjadi laluan kapal-kapal tangki minyak Asia Timur untuk ke Asia Barat.

Rahim memberitahu, mengikut rangka kerja projek itu, Trans-Peninsula akan membina saluran paip minyak yang merentasi Kedah, Perak dan Kelantan membabitkan kemudahan pengimportan Pantai Timur dan kemudahan pengeksportan semula Pantai Barat bagi minyak dari Asia Barat dan Afrika untuk ke Asia Timur.

Katanya, kapal-kapal minyak dari Asia

Barat akan menjadikan sebuah pelabuhan di Yan sebagai pangkalan sebelum minyak yang dieksport ke negara-negara Asia Timur menerusi saluran paip itu.

Jelasnya, bahan api dari Asia Barat akan disimpan di dalam tangki minyak yang akan dibina di Yan sebelum dipindahkan ke saluran paip yang dihubungkan dengan pelabuhan di Bachok, Kelantan.

Di Bachok pula, minyak akan dipam ke kapal-kapal tangki yang kemudian mengeksportnya ke negara-negara Asia Timur.

Menurut Rahim, pada masa ini hampir 60 peratus minyak Asia Barat diangkut ke Asia Timur menggunakan kapal tangki kedua terbesar di dunia iaitu Aframax.

Katanya, dengan adanya kemudahan saluran paip minyak yang dibina oleh Trans-Peninsula, kapal tangki Aframax dari China tidak perlu ke Timur Tengah

yang mengambil masa perjalanan selama 21 hari.

Katanya, kajian yang dijalankan mendapati kapal tangki dari China hanya memerlukan masa tujuh hari untuk mengambil minyak dari Kelantan, sekali gus dapat menjimatkan AS\$1.35 bagi setiap tong.

"Penjimatan ini sudah cukup untuk menanggung kos penyimpanan di Jeli selama sebulan, selepas ditolak caj penstoran," katanya.

Tambahnya, dengan adanya kemudahan itu, ia dapat mengurangkan kesesakan di Selat Melaka yang dijangka berganda dalam tempoh 15 tahun akan datang.

Ditanya mengenai sejauh mana perkembangan projek berkenaan, Rahim berkata, syarikat itu kini sedang dalam proses pengambilan alih tanah di Perak serta Kedah dan dijangka selesai pertengahan tahun depan.

Beliau berkata, projek itu membabitkan tiga fasa dan setiap fasa mengambil masa dua tahun untuk disiapkan sepenuhnya.

Pembinaan paip minyak fasa pertama melibatkan tangki minyak bagi menampung keperluan 60 juta tong, fasa kedua 120 juta tong dan fasa ketiga 180 juta tong.

Ditanya mengenai pembiayaan bagi projek mega itu, Rahim berkata, pihaknya sedang mengkaji pelbagai cadangan oleh institusi kewangan dari dalam dan luar negara.

Mengulas mengenai desas-desus kononnya projek itu bakal menyaingi Singapura, Rahim berkata, Trans-Peninsula hanya melaksanakan pembinaan saluran paip minyak dan tidak akan terlibat sebarang kegiatan penapisan minyak.

Beliau mengalu-alukan sekiranya terdapat syarikat tempatan dan asing yang berminat untuk membina kilang penapisan di kawasan berkenaan.

"Saluran paip minyak yang bakal dilaksanakan ini mampu menyimpan 20 jenis minyak mentah, jadi sudah tentu pelbagai peluang perniagaan boleh dijalankan. Takkan peluang begitu hendak kita lepaskan?," katanya.

Menjawab kononnya projek itu dibiayai oleh Iran, Rahim menyifatkan, persoalan itu adalah spekulasi yang terlalu awal.

Ini kerana, banyak sektor swasta dari pelbagai negara berminat untuk bekerjasama dengan Trans-Peninsula bagi melaksanakan projek berkenaan.

"Buat masa ini kami tidak mahu mengehadkan penggunaan saluran paip minyak ini kepada pihak-pihak tertentu," tambahnya.

Beliau berkata, jawapan itu berdasarkan Selat Melaka selama ini dibuka kepada semua pihak dan adalah tidak wajar saluran paip minyak perlu disekat.